

CHAN KONG WENG v LEMBAGA PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA
DAN LAIN-LAIN

CaseAnalysis

| [2017] MLJU 919

Chan Kong Weng lwn Lembaga Pencegahan Jenayah Malaysia dan lain-lain
[2017] MLJU 919

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

HANIPAH BINTI FARIKULLAH H:

PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO: WA-25-231-11/2016

2 May 2017

Luqman bin Mazlan (Shamsuddin & Co) for the applicant.

Aimi Zahiah bt Abd Rahim (Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang) for the respondent.

Hanipah bt Farikullah H:

GROUPS OF DECISION Introduction

[1]Pemohon telah memfailkan kebenaran lanjutan masa untuk memfailkan Permohonan Semakan Kehakiman di bawah Aturan 53 Kaedah 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[2]Melalui Notis Permohonan tersebut, Pemohon telah memohon relif-relif yang antaranya

....

adalah suatu Certiorari dilangsungkan kepada Responden untuk membatalkan Perintah Pengawasan bertarikh 16.8.2016 yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah.

[3] Dalam kes ini, semakan kehakiman yang menjadi subjek kepada keseluruhan prosiding adalah berkaitan Perintah Pengawasan Polis di bawah seksyen 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (“**Akta Tersebut**”) bertarikh 16.8.2016 yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah. Perintah Pengawasan Pemohon berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun yang mana Pemohon disekat di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta Negeri Perak.

Bantahan Awal

[4] Peguam Kanan Persekutuan di dalam hujahan beliau menyatakan bahawa Pemohon telah lewat memfailkan Permohonan untuk membuat semakan kehakiman melebihi 1 bulan tanpa mengemukakan alasan yang baik menurut Aturan 53 Kaedah (6) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Keputusan

[5] Tidak dipertikaikan oleh Perayu bahawa permohonan tersebut dibuat melebihi 1 bulan.

[6] Di dalam afidavit Pemohon, beliau telah menyatakan bahawa:

- i) *Saya kini disekat di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Negeri Perak melalui satu perintah pengawasan polis yang dikeluarkan oleh Responden Pertama bertarikh 16.8.2016. Saya pada awalnya tidak mempunyai Peguamcara untuk membuat permohonan semakan kehakiman terhadap perintah pengawasan polis yang dikeluarkan terhadap saya. Saya juga pada awalnya tidak dimaklumkan dan/atau tidak mempunyai sebarang pengetahuan bahawa saya boleh mencabar perintah pengawasan polis yang dikeluarkan terhadap saya di Mahkamah.*

....

- ii) *Saya telah disekat di satu kawasan di mana saya menghadapi kesukaran untuk berinteraksi dengan orang dan juga ahli keluarga saya sendiri. Semenjak saya disekat, saya menghadapi situasi dan kesukaran ini yang membuatkan saya sukar untuk mendapatkan khidmat peguam.*
- iii) *Selanjutnya, setelah lebih 2 bulan saya disekat, saya dimaklumkan oleh ahli keluarga saya bahawa saya berhak untuk mencabar perintah pengawasan polis yang dikeluarkan terhadap saya. Saya juga dimaklumkan bahawa ahli keluarga saya pada ketika itu sedang di dalam proses mencari dan melantik peguamcara untuk mewakili saya dalam membuat permohonan semakan kehakiman ini di Mahkamah.*
- iv) *Selanjutnya, ahli keluarga saya telah melantik firma guaman Tetuan Shamsuddin & Co untuk mewakili saya dalam permohonan semakan kehakiman ini. Pihak peguamcara saya telah kemudiannya berjumpa dengan saya bagi mendapatkan arahan saya dan selanjutnya menyediakan permohonan semakan kehakiman ini untuk difailkan di Mahkamah ini.*
- v) *Peguamcara saya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan arahan saya serta menyediakan permohonan semakan kehakiman ini kerana masalah berkenaan logistic dan komunikasi antara saya dan peguamcara saya, memandangkan peguamcara saya berada di Kuala Lumpur dan saya disekat di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Perak.*
- vi) *Saya seusungguhnya menyatakan bahawa saya telah hanya terlewat selama satu bulan dalam memfailkan permohonan ini kerana saya menghadapi kesukaran untuk melantik peguamcara dan selanjutnya setelah saya melantik peguamcara saya menghadapi kesukaran dalam memberikan arahan kepada peguamcara saya kerana masalah logistic dan komunikasi.*

[7]Berhubung penjelasan Pemohon bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan bahawa Perintah Tahanan tersebut boleh dicabar, Mahkamah tidak boleh menerima alasan tersebut

....

sebagai suatu alasan yang “baik” menurut Aturan 53 Kaedah (6). Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa “*ignorance of the law is no defence*”.

[8]Berhubung dengan dakwaan Pemohon bahawa memandangkan beliau disekat, beliau menghadapi kesukaran berkomunikasi dengan orang dan juga ahli keluarga menyebabkan kesukaran bagi beliau mendapatkan khidmat Peguam. Pada pandangan saya, alasan ini juga tidak mempunyai merit.

[9]Oleh kerana Pemohon tertakluk kepada Perintah Pengawasan beliau boleh bergerak di dalam kawasan tersebut dan dengan ini beliau mempunyai akses kepada telefon awam. Malahan semasa perbincangan Peguam Pemohon mengakui bahawa Pemohon boleh menggunakan telefon bimbit dan boleh mempunyai akses kepada telefon awam.

[10]Setelah meneliti afidavit Pemohon, saya berpuas hati bahawa Pemohon gagal mengemukakan “alasan yang baik” bagi Mahkamah membenarkan lanjutan masa bagi Pemohon memfailkan permohonan untuk mendapatkan kebenaran memfailkan permohonan semakan kehakiman.

Penutup

[11]Berdasarkan alasan-alasan di atas, Kandungan 1 dibatalkan.

End of Document